



Kucing Merah Satu-satunya di Borneo

Oleh MOHD-AZLAN dan J. ARIANTI, A.

KEPULAUAN Borneo terkenal dengan keunikan alam semula jadinya yang tersendiri. Sabah dan Sarawak bukan sahaja masyhur dengan kepelbagaian etnik dan budaya, malahan menjadi tumpuan dunia melalui kepelbagaian biodiversitinya.

Terdapat lapan spesies kucing liar yang dikenal pasti di seluruh Malaysia dan lima daripadanya boleh didapati di Borneo, iaitu kucing batu (*Prionailurus bengalensis*), kucing hutan-tasik (*Prionailurus planiceps*), kucing dahan (*Pardofelis marmorata*), kucing merah (*Catopuma badia*) dan harimau dahan borneo (*Nefelis diardi*). Di Kepulauan Borneo, tidak terdapat spesies kucing liar yang besar seperti harimau dahan atau harimau kumbang (*Panthera pardus*) dan harimau belang (*Panthera tigris*). Namun fosil harimau belang pernah ditemui di Gua Niah, Sarawak.

Bagaimanakah spesies ini boleh pupus dari Kepulauan Borneo masih menjadi tanda tanya dalam kalangan pakar arkeologi dan biologi?

Semua spesies kucing liar adalah haiwan karnivor yang sangat gemar tinggal di dalam hutan hujan tropika yang tidak terganggu (hutan dara). Setiap satu spesies bersifat "wilayah", iaitu khusus terhadap lokasinya yang tersendiri. Kucing liar akan menandakan kawasan jajahannya dengan menyemburkan air kencing pada dahan, batang pokok, dan batu-batan. Kucing dahan dan harimau dahan, sesuai dengan namanya yang suka menghabiskan kebanyakan masa dan aktiviti (seperti berehat serta memburu mangsa) di atas pokok.

Harimau dahan merupakan spesies kucing liar yang paling besar di Borneo. Makanannya

terdiri daripada kijang, pelanduk, tupai dan kera. Kucing dahan pula gemar memakan burung, tupai, cicak serta katak, manakala kucing batu pula merupakan spesies kucing liar yang paling kecil di Borneo, dan makanannya terdiri daripada mamalia kecil seperti tikus dan serangga. Antara spesies kucing liar yang agak unik ialah kucing hutan-tasik kerana mempunyai kebolehan berenang dan menangkap haiwan akuatik yang kecil termasuklah ikan. Selain ikan, spesies ini juga memakan katak, tikus dan ketam. Ia selalu ditemui di sekitar kawasan akuatik seperti tasik dan sungai.

Famili kucing liar adalah antara kumpulan karnivor yang paling sukar dikaji kerana tabii haiwan ini yang sangat sensitif pada kehadiran manusia serta kebanyakan spesies hanya aktif pada waktu malam, awal pagi dan senja. Hal ini menyebabkan aktiviti "temporal" kucing liar tidak bertindih dengan kebanyakan masa kegiatan manusia yang lebih tertumpu pada siang hari. Oleh itu, tidak ada banyak maklumat mengenai biologi serta ekologi spesies tersebut. Sejak akhir-akhir ini, penggunaan kamera inframerah yang beroperasi secara automatik banyak digunakan bagi membantu kajian hidupan liar di hutan hujan tropika Borneo. Kucing merah yang dahulunya dianggap pupus di Sarawak, telah berjaya ditemui menerusi penggunaan kamera inframerah.

Kucing merah merupakan salah satu spesies yang paling jarang-jarang ditemui di seluruh dunia dan hanya terdapat di Borneo. Oleh sebab itu, penemuan ini telah mendapat liputan di peringkat antarabangsa. Nilai spesimen awet spesies ini boleh menjangkau nilai sehingga AS\$10 000 di pasaran gelap. Cuma terdapat 12 spesimen spesies ini di muzium seluruh dunia dan hanya dua daripadanya terdapat di Borneo.



Kucing dahan.

Kita seharusnya berbangga kerana Sarawak menjadi "tuan rumah" kepada kedua-dua spesimen tersebut. Sebahagian besar spesimen ini telah dibawa ke luar negara sebelum penubuhan Malaysia. Kucing merah amat berbeza daripada kucing liar yang lain. Ia tidak mempunyai banyak jalur dan bintik pada badannya. Bulunya berwarna keemasan coklat.

Kumpulan spesies kucing liar ini juga sering kali terlibat dengan konflik antara manusia. Spesies seperti kucing dahan dan kucing batu sering dikaitkan dengan aktiviti kehilangan anak ayam di kawasan kampung pedalaman Sarawak. Kelima-lima spesies kucing liar ini dilindungi di Sabah,



Harimau dahan borneo.

Sarawak, Brunei dan Kalimantan. Orang awam dilarang dan ditekah memburu atau membunuh atau menyimpan mana-mana spesies kucing liar tanpa permit atau lesen yang sah dari Jabatan Hidupan Liar negara masing-masing.

Spesies kucing ini juga mendapat perlindungan antarabangsa di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam, Fauna dan Flora (CITES) dan Akta Perdagangan Spesies Terancam Antarabangsa 2007, yang menghalang spesies ini

daripada diekspor ke luar negara sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, sekatan dan status perlindungan nasional dan antarabangsa kerap berubah-ubah untuk diselaraskan dengan keperluan semasa.

Ancaman utama spesies kucing liar di Borneo ialah penerokaan hutan secara tidak mampan. Ancaman ini termasuklah penerokaan hutan dara bagi tujuan komersial tanpa mengambil kira faktor pemuliharaan hidupan liar. Hampir sedekad yang lalu, satu kawasan hutan yang sangat luas telah dibakar di bahagian Kalimantan untuk tujuan pertanian. Kegiatan ini terang-terang akan menyebabkan kemusnahan habitat semula jadi spesies kucing liar yang amat sensitif pada perubahan persekitaran. Tambahan pula, pemburuan

makanan kucing liar seperti pelanduk dan kijang secara berlebihan juga sering dikaitkan sebagai ancaman kepada harimau dahan. Penggunaan racun rumpai atau tuba untuk menangkap ikan juga dikatakan memberi kesan negatif kepada kucing hutan-tasik. Sehubungan itu, kerjasama dan bantuan setiap lapisan masyarakat amat diperlukan dalam memulihara spesies ini daripada terus diancam kepupusan. Sesungguhnya alam semula jadi adalah



Anak kucing batu.



Sepasang anak kucing batu.



Kucing merah.

sebahagian daripada kita, yang melengkapi kehidupan kita di dunia ini, serta kebanggaan warisan kita. **DK**

Dr. Mohd-Azlan J, Pensyarah Jabatan Zoologi, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Universiti Malaysia Sarawak.